## SURAT PEMBERITAHUAN

## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
## JABATAN PERDANA MENTERI
## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## BILANGAN 8/2011

**PEPERIKSAAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN BRUNEI (B.A.S) DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DALAM BAHAGIAN II KE ATAS**

Pegawai-pegawai yang layak adalah dipelawa untuk menduduki peperiksaan tersebut di atas yangmana akan diadakan pada tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut :-

| BIL | TARIKH DAN JAM | | SUBJEK | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| i) | Hari Khamis<br>5 Muharram 1432<br>bersamaan<br>1 Disember 2011<br>Jam 8.30 - 11.30 pagi | - | Perlembagaan<br>Negara Brunei Darussalam<br>( Constitution of Brunei Darussalam ) | **Bilik Asyura<br>Tingkat 4<br>Jabatan Perkhidmatan Awam** |
| ii) | Hari Sabtu<br>7 Muharram 1432<br>bersamaan<br>3 Disember 2011<br>Jam 8.30 - 11.30 pagi | - | Undang-Undang Am Negara Brunei Darussalam<br>( General Laws ) | |
| iii) | Hari Selasa<br>10 Muharram 1432<br>bersamaan<br>6 Disember 2011<br>Jam 8.30 - 11.30 pagi | - | Peraturan-Peraturan Kewangan<br>(Financial Regulation) | **Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam** |
| iv) | Hari Jumaat<br>13 Muharram 1432<br>bersamaan<br>9 Disember 2011<br>Jam 8.30 - 11.30 pagi | - | Perintah-Perintah Am 1961<br>& Peraturan-Peraturan Perkhidmatan<br>(General Order and Service Regulation) | |

## 1. *SYARAT-SYARAT UTAMA*

1.1 Peperiksaan ini adalah dikhususkan kepada:

(a) Pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S);

(b) Pegawai-pegawai bergaji bulan dalam jawatan-jawatan Bahagian II ke atas yang sebanding dan **dikehendaki lulus** sebelum ditetapkan atau dinaikkan pangkat pada tanggagaji yang seterusnya. **Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 13/2009 adalah dirujuk.**

(c) Pegawai-pegawai yang disyaratkan untuk menduduki dan lulus kertas peperiksaan seperti yang dinyatakan dalam Skim Perkhidmatan masing-masing.

(d) Pegawai-pegawai bergaji hari dalam jawatan-jawatan Bahagian II ke atas adalah juga digalakkan untuk mengikuti peperiksaan ini.

## 2. *BORANG PERMOHONAN*

2.1 Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di alamat/pautan berikut:-

http://www.jpa.gov.bn

2.2 Borang permohonan hendaklah menggunakan borang yang disediakan dan dihadapkan melalui **Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan / Pengetua / Guru Besar** masing-masing beserta dengan salinan surat lantikan dalam jawatan pada masa ini;

2.3 Borang permohonan hendaklah mendapat pengesahan dan sokongan daripada **Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan / Pengetua / Guru Besar** dengan menyatakan pengakuan tarikh mula berkhidmat dalam tanggagaji yang berkenaan;

2.4 Permohonan yang **TIDAK MENGGUNAKAN BORANG YANG DISEDIAKAN ATAU TIDAK LENGKAP** atau mengandungi **MAKLUMAT YANG TIDAK BETUL** atau **LEWAT DITERIMA** oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam atau **dokumen yang dihadapkan tidak disahkan oleh Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan/ Pengetua / Guru Besar** masing-masing **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

3. ***TATACARA PERMOHONAN***

3.1 **PEGAWAI YANG BARU MEMOHON** peperiksaan ini adalah dimestikan mengambil **SEMUA MATA PELAJARAN** iaitu mengikut Skim Perkhidmatan masing-masing seperti:-

a. Bagi peperiksaan pegawai-pegawai **B.A.S**, mereka **dimestikan MENGISI BORANG mengambil empat (4) mata pelajaran**.

b. Pegawai-pegawai kerajaan dalam Bahagian II ke atas, mereka **dimestikan mengambil dua (2) mata pelajaran** iaitu G.O dan F.R sahaja.

3.2 Pegawai-pegawai yang berhajat untuk menduduki kertas peperiksaan yang disenaraikan bagi memenuhi jawatan-jawatan yang dipersyaratkan dalam skim perkhidmatan sesuatu jawatan itu bolehlah menandakan kertas peperiksaan berkenaan.

3.3 Mana-mana pegawai yang sudah menduduki peperiksaan ini tetapi belum lulus semua mata pelajaran dan memohon untuk menduduki peperiksaan sekali lagi khusus bagi mata pelajaran yang belum lulus sahaja.

4. ***HAL - HAL LAIN***

4.1 Setiausaha Tetap / Ketua-Ketua Jabatan /Pengetua / Guru Besar perlu memberikan kelonggaran masa kepada pegawai-pegawai yang telah didaftarkan untuk menduduki Peperiksaan berkenaan.

4.2 Pegawai-Pegawai yang **TIDAK HADIR** atau **MENARIK DIRI** untuk menduduki peperiksaan yang telah ditetapkan tanpa sebarang alasan yang munasabah **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** untuk menduduki peperiksaan berikutnya

## 5. *KETERANGAN LANJUT*

Sebarang pertanyaan hendaklah ditujukan ke alamat berikut :-

Unit Pembangunan dan Pengurusan Kualiti,
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan,
Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Awam,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

*Telefon No:* : 2382469 sambungan 300 / 202 / 186
*E-mel:* : info@psd.gov.bn

Borang Permohonan yang telah lengkap diisikan hendaklah dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tidak lewat **HARI SABTU, 23 ZULHIJJAH 1432 BERSAMAAN 19 NOVEMBER 2011.**

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

والله ولي التوفيق

*" Bersatupadu Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035 "*
*" Keluarga Riang, Negara Cemerlang "*

**[ PENGIRAN HAJI MOHAMMAD ALI BIN PENGIRAN HAJI OTHMAN ]**
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

**BORANG PERMOHONAN**
**PEPERIKSAAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN BRUNEI (BAS)**
**DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DALAM BAHAGIAN II KE ATAS**
**BAGI BULAN DISEMBER 2011**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

***SILA BACA SEMUA ARAHAN DAN PANDUAN SEBELUM MENGISI BORANG INI***

**ARAHAN UMUM**

i. Sila pastikan keterangan yang diberikan adalah lengkap dan benar.

ii. Borang permohonan ini mestilah dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan / Pengetua / Guru Besar masing-masing.

iii. Pegawai-pegawai yang baru memohon peperiksaan ini hendaklah menyertakan bersama Salinan Surat Lantikan jawatan pada masa ini.

1. a) Nombor KPP:- -

   b) Warna :- Kuning Unggu

2. Jantina Lelaki Perempuan

3. Nama Pemohon (mengikut Kad Pengenalan Pintar)

4. Umor tahun

5. a) Jawatan sekarang :

   b) Tanggagaji :

   c) Tarikh mula lantikan dalam jawatan sekarang :

d) Kementerian / Jabatan
Sekolah tempat mengajar : ______________________________

No. Telefon: Pejabat: | | | | | | | | | | | | |

Fax : | | | | | | | | | | | | |

Bimbit : | | | | | | | | | | | | |

E-mail : | | | | | | | | | | | | |

e) Pegawai Penyelaras Peperiksaan di Kementerian / Jabatan-Jabatan / Sekolah masing-masing bagi Guru-Guru:

Nama :

No. Telefon: Pejabat:

Fax :

Bimbit :

E-mail :

6. **Tandakan ( ✓ ) pada mata pelajaran yang akan diambil dan tanda 'L' pada mata pelajaran yang SUDAH LULUS :-**

**Mata Pelajaran:**

☐ **Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan**

☐ **Peraturan-Peraturan Kewangan**

☐ **Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Constitution of Brunei Darussalam)**

☐ **Undang-Undang Am Negara Brunei Darussalam (Genaral Laws)**

7. Pengesahan :-

Saya mengakui bahawa segala keterangan yang diberikan adalah benar.

....................................... Tarikh : ..............................

Tandatangan Pemohon

**SOKONGAN KETUA JABATAN**
**(Nama Pemohon Yang Akan Menduduki Peperiksaan ini)**

Nama : ........................................................................................... telah berkhidmat sebagai ........................................................................... dalam tanggagaji ......................................... mulai daripada (tarikh memegang tanggagaji sekarang) ...........................................

Saya Menyokong / TIDAK menyokong *** pemohon ini untuk dipertimbangkan bagi menduduki Peperiksaan Perinyah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan *** / Peraturan-Peraturan Kewangan *** / Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Constitution of Brunei Darussalam)*** / Undang-Undang Am (General Laws)***.

Tarikh : ................................ ......................................................................

Tandatangan SUT / Ketua Jabatan / Pengetua / Guru Besar
Cop resmi Kementerian / Jabatan / Sekolah